

7
PASAR RAKYAT LAHAD DATU
合興中央市場

Sabah negeri berdaulat



Pakar sejarah berkata Kesultanan Sulu tiada hak ke atas Sabah yang bernaung di bawah Malaysia

Oleh **NORAINON OTHMAN**
norainon@mediaprima.com.my

Sekian lama Sabah berada di bawah naungan Malaysia, tiba-tiba ada pihak mengaku Negeri Di Bawah Bayu adalah hak milik mereka. Mereka menuntut kembali hak yang sudah lama hilang. Adakah ini masuk akal?

Bermula dengan penceroohan sekumpulan lelaki mendakwa mereka askar Kesultanan Sulu pada 12 Februari lalu yang menuntut hak ke atas Sabah, terutama pantai timurnya, negara dikejutkan dengan taktik kotor mereka mengibarkan bendera putih sebagai tanda menyerah diri sebelum menembak anggota keselamatan.

Penceroohan merebak ke Semporna apabila pasukan polis diserang hendap penganas di Kampung Sri Jaya, Simunul hingga mengorbankan enam nyawa.

Sebenarnya, tuntutan waris Kesultanan Sulu tidak boleh diterima dan tidak berasas kerana Sabah, dulunya dikenali Borneo Utara, sudah lama menyertai Malaysia dan menjadi hak milik Malaysia yang sah.

Pada kurun ke-17, bahagian timur Sabah sememangnya bawah kekuasaan Kesultanan Sulu.

Pada 1878, Kesultanan Sulu memajukan Borneo Utara kepada seorang warga Jerman, Baron von Overbeck

untuk dimajukan.

Bagaimanapun, usaha membangunkan Borneo Utara gagal dan beliau menyerahkan kuasa pajakan kepada British North Borneo Chartered Company yang mengambil alih pentadbiran Sabah sehingga Perang Dunia Kedua.

Pakar sejarah Prof Datuk Dr Zainal Kling berkata, tuntutan waris Kesultanan Sulu terhadap Sabah adalah tidak berasas kerana Sabah dibawa masuk menyertai Malaysia oleh Britain pada 1963.

Kemunculan Jamalul Kiram III yang menuntut Sabah adalah sesuatu yang pelik kerana Kesultanan Sulu sudah tiada selepas kemangkatan Sultan Sulu terakhir, Sultan Jamalul Kiram II yang mangkat pada 1936 dan tidak mempunyai waris. Kerajaan Filipina juga tidak mengiktiraf mereka.

Sebagai contoh, katanya, dulu ada Kesultanan Melaka tetapi kini kerajaan berkenaan sudah tiada, tetapi tiba-tiba muncul individu yang mengaku sebagai sultan.

"Keturunan Kesultanan Sulu memang ada tetapi kerajaannya tiada.

"Tambahan pula, Sulu itu sendiri kini diletakkan di bawah kuasa Filipina dan mengikut konteks perundangan, tidak wujud sebuah kerajaan (Kesultanan Sulu)," katanya.

"Ketika proses pembentukan Malaysia, rakyat Sabah sendiri sebulat suara memilih menyertai Malaysia"

Prof Dr Zainal Kling

Zainal berkata, ketika proses pembentukan Malaysia pada 1960-an, rakyat Sabah sendiri yang sebulat suara memilih untuk menyertai Malaysia.

"Pada 1962, Suruhanjaya Cobbold dibentuk oleh kerajaan Britain dan Malaya bagi menjalankan pungutan suara penduduk Borneo Uta-

ra (Sabah) dan Sarawak bagi penubuhan gagasan Malaysia.

"Hasil pungutan suara itu mendapati, umumnya kedua-dua negeri itu bersetuju menjadi sebahagian daripada Malaysia.

"Secara automatik, hak Kesultanan Sulu terhadap Sabah gugur," katanya.

Menurutnya, keputusan Sabah menyertai Malaysia pada September 1963 tidak dapat diterima oleh Filipina yang menganggap Sabah sebahagian daripada wilayahnya.

"Presiden Filipina ke-9, Diosdado Pangan Macapagal membawa kes tuntutan terhadap Borneo Utara serta mempersoalkan kesahihan hak milik Britain terhadap negeri itu.



"Sebahagian Indonesia juga pernah berada di bawah kekuasaan Kesultanan Sulu, tetapi kenapa mereka tidak menuntut"

Prof Datuk Dr Ramlah Adam

"Tuntutan dibuat bagaimanapun tidak mendapat persetujuan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB)," katanya.

Menurutnya, tindakan waris Kesultanan Sulu, Jamalul Kiram III menuntut Sabah tidak boleh diterima kerana penduduk Sabah sendiri yang memilih menyertai Malaysia.

Pakar sejarah Prof Datuk Dr Ramlah Adam berkata, Sabah sebuah negeri yang bernaung dalam negara merdeka dan berdaulat. Oleh itu Kesultanan Sulu tiada hak terhadap Negeri Di Bawah Bayu itu.

"Sebahagian Indonesia juga pernah berada di bawah kekuasaan Kesultanan Sulu,

tetapi kenapa pula mereka tidak menuntut hak daripada Indonesia.

"Apa yang berlaku (penceroohan) tidak adil terhadap Malaysia," katanya.

Lebih menyedihkan, katanya, ada pihak tertentu yang bersetuju dan kelihatan gembira serta menganggap kes yang berlaku sebagai

Metro
10/3/13 MSH6

T.B

.E



3

Metro
10/3/13 MS 47

1. **PENIAGA** di Lahad Datu bekerja seperti biasa walaupun Op Daulat masih diteruskan bagi menghapuskan saki-baki pengganas Sulu.

2. **NELAYAN** menurunkan hasil tangkapan laut mereka di Semporna.

3. **PENDUDUK** di Kampung Sri Jaya, Simunul, Semporna memindahkan barangan mereka.

4. **SEBAHAGIAN** perkampungan di Kampung Sri Jaya, Simunul, Semporna, lokasi enam anggota keselamatan terkorban dalam serang hendap.

sandiwaranya politik.

"Ini bukan soal politik, tetapi kedaulatan negara. Sebagai rakyat Malaysia, tidak sepatutnya kita beri muka kepada penceroboh dan bersorak kepada kerajaan.

"Kalau tidak suka sekalipun, jangan sekali-kali menggadaikan negara. Adakah itu sikap rakyat yang bertanggungjawab dan sayangkan negara?" katanya.

Menurutnya, sebilangan warganegara tidak mempunyai semangat cintakan negara, tidak tahu sejarah dan tidak dapat membekalkan apa itu negara dan apa itu politik.

"Jika negara diceroboh, kita harus pertahankan. Jangan asyik menyalahkan orang lain dalam banyak hal dan menyokong pemberontak.

"Apabila ada orang menceroboh masuk rumah, buat kacau dan membunuh ahli keluarga, adakah kita akan berdiam diri?"

"Tidak mungkin kita cuma melihat tanpa berbuat apa-apa atau melebihi orang luar daripada keluarga sendiri.

"Begitu juga halnya dalam kes pencerobohan pengganas Sulu yang menuntut sebahagian daripada Sabah dengan mendakwa itu hak mereka," katanya.

Selain dua pakar sejarah itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada Khamis lalu menegaskan, Sabah adalah hak milik Malaysia dan tidak ada mana-mana pihak boleh mempertikaikannya.

ANGGOTA tentera bersedia bertempur menghancurkan kumpulan pengganas Sulu.



SERANGAN ini dilakukan oleh kumpulan pengganas Sulu.



ANGGOTA tentera menggunakan kereta perisai memburu saki baki pengganas Sulu di Kampung Tandou.